

**LAPORAN PROGRAM CONVERGING INVENTION 1.0**  
**BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOTA MASAI**

**Disediakan Oleh: Siti Rahaida Binti Abdullah**

24 Mei 2017 – Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah melaksanakan program ‘Converging Invention 1.0 yang bertujuan memupuk minat pelajar dalam mempelajari konsep asas rekacipta. Program ini melibatkan seramai 29 orang pelajar dan 2 orang guru tingkatan 5.

Program ini melibatkan pengajar professional En Salim Bin Bachok dan En Nurul Hadi Bin Darmi. Program ini berlangsung selama 3 jam di Makmal CAD 3, Jabatan Matematik Sains Dan Komputer. Ini merupakan CSR yang melibatkan komuniti setempat bagi menambah semangat dan minat pelajar dalam menyambung pengajian di politeknik. Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal iaitu Pn Maryati Bin Marzuki.

Di samping itu, program ini diselitkan dengan program promosi dalam bidang mekatronik oleh Ketua Program Mekatronik oleh En Firdaus Bin Ali. Ini merupakan program pengenalan kepada pelajar untuk menarik minat dalam menceburi bidang kejuruteraan mekatronik. Pelajar juga telah melawat ke program Degree Show 2.0 anjuran Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual di Bangunan CeDEC, Politeknik Ibrahim Sultan.

Program ini, banyak memberikan manfaat dalam konsep jalinan setempat dalam mewujudkan ukhwah silaturrahim bersama pensyarah dan guru. Di samping itu, program Converging Invention ini juga boleh dijadikan sebagai platform perkongsian ilmu di kalangan institusi pendidikan di Pasir Gudang. Harapan pengarah program iaitu Siti Rahaida Binti Abdullah agar program ini akan dapat diteruskan dalam menjadikan Politeknik Ibrahim Sultan cemerlang dan dihargai oleh masyarakat setempat.



Lawatan ke program Degree Show 2.0 anjuran Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual di  
Bangunan CeDEC



Bergambar bersama pelajar, pengajar dan guru pengiring yang terlibat dalam aktiviti program Converging Invention 1.0

